

13 DEC 1998

Mahathir-budaya

BENTUK BUDAYA UTAMAKAN KEPENTINGAN PARTI DARIPADA INDIVIDU

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini para anggota Umno perlu membentuk budaya mengutamakan kepentingan parti dan bukannya kepentingan individu atau calon tertentu.

Presiden Umno itu berkata jika parti dikorbankan akibat ketaksuban terhadap seseorang calon, ini tidak akan mendatangkan apa-apa hasil.

"Parti penting. Individu tidak penting. Individu datang dan individu pergi, tetapi parti kekal jauh lebih lama. Perjuangan tidak tamat kerana individu gagal. Tetapi perjuangan akan tamat jika parti hancur," kata Dr Mahathir dalam ucapan dasar pada perhimpunan agung khas Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perhimpunan itu bertujuan membahas dan meluluskan 16 perkara pindaan perlembagaan Umno dalam usahanya mengukuhkan lagi parti dan menutup ruang-ruang kepada amalan politik wang untuk mendapat jawatan.

Perdana Menteri berkata para anggota parti mesti merapatkan semula barisan selepas pemilihan dibuat agar musuh parti tidak dapat mengambil kesempatan.

"Ketegangan semasa pemilihan hendaklah dilupakan dan tumpuan diberi kepada menjayakan matlamat parti," kata beliau.

Umno dijadual mengadakan pemilihan yang berikutnya pada Jun akan datang.

Dr Mahathir berkata pindaan-pindaan yang dikemukakan pada perhimpunan itu bertujuan melindungi parti daripada kemungkinan kebebasan demokrasi dalam parti disalahgunakan.

Ianya diharap akan menghalang amalan-amalan yang boleh memecah-belah dan melemahkan parti.

Bagaimanapun, katanya, perlembagaan semata-mata tidak dapat menjamin kewibawaan atau pengekalan parti.

"Yang dapat menjamin kewibawaan dan pengekalan parti ialah kefahaman dan kebijaksanaan ahli-ahli dalam menggunakan perlembagaan yang diluluskan," kata beliau.

Dr Mahathir dalam ucapan kira-kira 30 minit itu turut menekankan pentingnya Umno mengekalkan kewibawaan agar terus dihormati dan mendapat sokongan rakyat.

"Dalam parti, yang perlu diutamakan ialah kewibawaan, keberkesanan parti. Kemenangan menjadi pemimpin tidak bermakna jika ia menyebabkan parti berkecai, menjadi lemah, gagal memenangi pilihan raya dan membentuk Kerajaan," kata beliau.

Dr Mahathir juga menekankan bahawa budaya demokrasi yang sebenar berkehendakkan pemilihan dibuat dalam suasana persahabatan.

Anggota-anggota Umno juga harus memberi sokongan padu kepada pemimpin yang dipilih.

"Selagi ia menjadi pemimpin selama itulah ia perlu disokong," katanya.

Kesetiaan dan ketaatan kepada pemimpin bukanlah kerana tubuh badannya atau peribadinya tetapi kerana jawatan yang disandangnya mengikut perlembagaan dan melalui pemilihan parti, ujar beliau.

"Jika ia gagal mengekalkan kepercayaan parti kepadanya, maka ia boleh digugur oleh parti juga mengikut perlembagaan parti," kata beliau.

Untuk ini, katanya, pemilihan hendaklah diasaskan kepada perwatakan calon, kebolehannya dan kualiti lain yang menyesuaikan sebagai pemimpin.

"Soal kesetiaan kepadanya sebagai individu atau ketua sesuatu kumpulan tidak harus ada dan mempengaruhi pemilihan," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA  
ZKS RON